

## KERATAN AKHBAR



SURAT KHABAR	:	KOSMO	
TARIKH	:	2/5/2019	MUKA SURAT : 4
JABATAN	:	KATS / YBM / JKPTG	
KLASIFIKASI	:	<b>PERHATIAN</b>	

Simpanan bijih timah masih besar, boleh hasilkan pendapatan kepada negara

## Aktifkan semula lombong timah

**P**UTRAJAYA – Kerajaan merancang untuk memulihkan industri perlombongan bijih timah di Malaysia seperti pada zaman kegemilangannya beberapa dekad yang lalu ketika negara munculi sebagai pengeluar timah terbesar dunia.

Menteri Sumber Air, Tanah dan Sumber Asli, Dr. A. Xavier Jayakumar (*gambar kecil*) berkata, simpanan bijih timah di negara ini sangat besar kerana kegiatan perlombongan logam itu sudah tidak dijalankan sejak 40 lebih tahun lalu.

Jelas beliau, harga bijih timah yang boleh mencecah sehingga AS\$20,000 (RM82,710) bagi satu tan metrik ke-



tika ini sangat 'menarik' dan dengan deposit bijih yang berjumlah jutaan tan, ia dijangka mampu menghasilkan pendapatan yang besar kepada negara.

"Jabatan Tanah dan Galian kini telah memetakan kawasan di seluruh negara di mana ada deposit besar timah yang ditemui.

"Kita telah membincangkan hal ini dalam Kabinet dan memutuskan untuk kembali melombong bijih dan memberi kesempatan kepada pihak industri berniat untuk meneruskan usaha itu," katanya pada sidang akhbar sempena ulang tahun pertama kerajaan Pakatan Harapan semalam.

Menurut Xavier lagi, industri

perlombongan timah di negara ini tidaklah terhenti sepenuhnya kerana kegiatan itu masih dijalankan sungguhpun tidak pada skala besar seperti dalam tahun 1960-an.

Pada masa ini katanya, Rahman Hydraulic Sdn. Bhd. di Perak merupakan satu-satunya syarikat yang menjalankan kegiatan melombong bijih timah.

Sementara itu, menyentuh mengenai perlombongan bauksit, beliau berkata, penyediaan Prosedur Operasi Standard (SOP) mengenai perlombongan dan pengeksportan bauksit telah diwujudkan bagi memberi laluan kepada aktiviti yang lebih baik dan mampan serta meminimumkan kesan perlombongan terhadap penduduk tempatan.

— Bernama



LOMBONG bijih timah milik Rahman Hydraulic Sdn. Bhd. di Perak merupakan satu-satunya yang masih aktif di negara ini.